

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Malaysia perlu sedih depan impak kemelesetan global



Ekonomi diunjur berkembang lebih perlahan pada kadar 4 peratus tahun depan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysia sebagai ekonomi terbuka dari bergantung kepada hasil eksport perlu bersedia mendepani pertumbuhan lebih perlahan pada tahun hadapan selepas ekonomi global diramal bakal mengalami kemelesetan sederhana, demikian mengikut penganalisis.

Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB) dalam nota penyelidikannya berkata, ekonomi Malaysia dijangka mula berkembang pada kadar lebih perlahan 2023 iaitu 4 peratus berbanding unjuran bagi keseluruhan tahun ini iaitu 8 peratus.

Ketua Ahli Ekonominya, Suhaimi Ilias, berkata negara maju utama seperti Amerika Syari-

kat (AS), zon Eropah dan United Kingdom (UK) dijangka berdepan kekakuan pertumbuhan serta kemelesetan kesan inflasi dan kadar faedah yang tinggi.

Namun, beliau berkata, terdapat beberapa faktor mengurangkan kemerosotan kepada prospek ekonomi Malaysia.

Pertama, kenaikan kadar dasar semalam (OPR) yang sederhana adalah mesra pertumbuhan daripada rekod terendah akomodatif iaitu 1.75 peratus sejak Mei 2022 kepada tahap neutral 3 peratus menjelang Januari 2023.

"Kedua, pengeluaran lebihan simpanan individu atau isi rumah sejak Januari 2020 di tengah sekatan dan langkah rangsangan ekonomi memberikan penampakan kepada perbelanjaan pengguna.

"Ketiga, pemulihan dalam sektor pelancongan membabitkan kemastaman pelancong menyediakan langkah seterusnya untuk pertumbuhan daripada pembukaan ekonomi penuh.

"Keempat, prospek pelaburan adalah positif di tengah lonjakan yang dipacu teknologi dalam pelaburan diluluskan/pelaburan langsung asing (FDI) sejak 2021

seperti perbelanjaan modal (capex) dalam industri elektronik dan pusat data; automasi dan pen-digitalisasi serta pelancaran infrastruktur 5G," katanya dalam nota penyelidikan.

Inflasi jadi petunjuk

Suhaimi berkata, inflasi dan kadar faedah kekal sebagai pemboleh ubah makro utama untuk diperhatikan dengan tinjauan pertumbuhan China bergantung pada teka-teki berkaitan penamatn dasar sifar COVID-19 dan pengurusan kemerosotan harta-nahai.

"Pembukaan semula China

lebih awal dan pantas membez

kan kesan positif kepada keadaan

ekonomi global dan Malaysia dari

segi aliran perdagangan, pelabu

ran dan pelancongan," katanya.

Pada peringkat domestik, beliau berkata, selepas berakhir PilihanRaya Umum Ke-15 (PRU15), tumpuan terarah kepada pembenangan semula Bajet 2023 awal tahun depan serta dasar kerajaan baharu, termasuk pendirian fiskal jangka sederhana.

"Bagi pasaran ekuiti Malaysia, kenaikan kadar faedah akan menjadikan pertumbuhan pada 2023. Pengembangan pendapatan pasaran, bukan syarikat sarung tangan, bagaimanapun diramalkan mengukuh sehingga 17.3 peratus tahun ke hadapan selepas Cukai Ma-kmur berakhir."

"Selain itu keuntungan sektor bank dijangka terus bertambah baik serta pemuliharan dalam sektor yang ketinggalan sebelum ini

seperti permainan dan pengangku/tenerangan," katanya.

Maybank IB berkata, pemilu risiko politik menyederhana berikut PRU15 berakhiri dengan gabungan pemerintah yang diiktut Pakatan Harapan (PH), sekali gus memberi petanda untuk tadib urus lebih baik dan pengubahan dasar pula dapat dipercepatkan.

"Perubahan dasar yang mengganggu pertumbuhan dan pendapatan iaitu yang berkaitan dengan subsidi dan cukai tidak mungkin berlaku tahun hadapan.

"Ini kerana kerajaan dijangka memberi tumpuan kepada isu kos sara hidup dengan jurang fiskal interim mungkin akan dirapatkan menerusi gabungan perkara seperti pengurangan kos, mengekang kebocoran fiskal dan pendapatan PETRONAS.

"Dengan kerajaan baharu yang condong kepada reformis, maka perubahan dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) boleh kembali dilaksanakan, sekali gus berpotensi mencetuskan dorongan ekonomi dan pasar sekular, kadar faedah dan tekanan inflasi berkurangan, begitu juga hasil dividen," katanya.

Pembukaan semula China lebih awal dan pantas memberi kesan positif kepada keadaan ekonomi global dan Malaysia dari segi aliran perdagangan, pelaburan dan pelancongan

Suhaimi Ilias,
Ketua Ahli Ekonomi Maybank IB

